

# Ekonomi kukuh, rakyat berdaya tahan jadi penampungan

**Dr Mohd Yusoff Ishak**



*Pensyarah Kanan, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM)*

**Fasa** kedua Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) diharap membantu negara mengatasi tiga cabaran dalam satu masa kini, iaitu krisis kesihatan awam, kejutan terhadap ekonomi dan ujian sosial.

Ini penting dalam memastikan negara kekal stabil dan rakyat berdaya tahan menghadapi kemejut terbabit.

PRIHATIN memperuntukkan RM250 bilion bagi memerangi COVID-19 dengan tumpuan kepada yang paling terjejas. Melindungi kebajikan mereka secara tidak langsung bermakna membina daya tahan sosial masyarakat.

Pelbagai reaksi dan tindak balas terhadap usaha menangani COVID-19 menunjukkan kepelbagaian daya tahan dalam masyarakat. Kali pertama dalam sejarah, kita menghadapi ancaman

sama dengan penyelesaian yang amat mudah - duduk di rumah!

PKP memperlihatkan keperluan memperkasa sektor perbekalan makanan. Ini penting, terutama menghadapi pertambahan permintaan mendadak akibat rasa cemas masyarakat.

Peruntukan tambahan sektor kesihatan diharap dapat meningkatkan kapasiti sektor itu. Sebagai contoh, perolehan kit ujian pengesanan mudah alih mampu memberi keputusan pada masa lebih singkat dan vaksin COVID-19.

Menguruskan risiko wabak ini sebenarnya ujian membina daya tahan negara. Selain puluhan ribu terkesan dengan bencana banjir pada musim tengkujuh saban tahun dan hampir 6,000 terjejas akibat pencemaran alam sekitar di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang pada Jun 2019, tiada bencana membabitkan bilangan besar mangsa di Malaysia.

Sistem amaran awal sebagai mekanisme pengurusan wabak penyakit perlu diberi perhatian serius oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). COVID-19 berupaya merebak dengan lebih cepat berbanding influenza, manakala sesetengah individu tanpa simptom juga mampu menyebarkan virus berkenaan.

Wabak ini memperlihatkan ke-

pentingan penempatan infrastruktur dan aset negara pada lokasi kekal strategik bagi mempermudah MKN bertindak.

Pangkalan hadapan menghadapi bencana tidak semestinya lagi berada jauh di tengah lautan ataupun di hutan belantara, sebaliknya perlu juga berada di tengah bandar.

Idea lebih inovatif, terutama berkaitan penempatan aset strategik seperti pasukan pertahanan awam di tengah bandar perlu dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) kerana ancaman wabak seterusnya mungkin bermula di tengah kesibukan kota.

Pasar borong serta pasar basah perlu dimodernkan dengan tahap sanitasi lebih baik agar keselamatan dan kesihatan pengguna lebih terjamin.

**Pelbagai reaksi dan tindak balas terhadap usaha menangani COVID-19 tunjukkan kepelbagaian daya tahan dalam masyarakat.**

Sektor makanan perlu terus diperkasa dengan meningkatkan kadar sara diri untuk makanan asas seperti beras, daging, ikan, produk tenusu dan sayuran.

Sesuatu perlu dilakukan segera terhadap import makanan yang melebihi RM50 bilion setahun dan semakin meningkat.

Bagi menghadapi cabaran logistik dan tekanan import makanan, pendekatan ladang serantau seperti diamalkan industri sawit yang memiliki perusahaan di luar negara boleh diguna pakai.

Sebagai sampingan, negara boleh memeterai perjanjian dan mempelbagaikan rakan strategik, termasuk dari Amerika Latin bagi menjamin kestabilan bekalan makanan.

Walaupun bekalan dijangka mencukupi, peningkatan pengeluaran makanan tempatan seperti cili dan bawang perlu diberi nafas baharu dengan memperkasakan agropreneur.

Teknologi automasi dan aplikasi data raya perlu diterapkan bagi menjamin kemampunan sektor ini.

Inisiatif Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) berskala besar dan berteknologi tinggi perlu mengguna pakai pendekatan internet pelbagai benda (IoT) serta dipadankan dengan ladang komuniti di setiap daerah dalam me-

ningkatkan bekalan makanan.

Penekanan perlu diberikan terhadap jualan atas talian bagi menjamin kebolehpasaran.

Selain mengurangkan jejak karbon, urus niaga dalam talian turut mengurangkan potensi penyebaran wabak. Ini selaras dengan matlamat mewujudkan budaya digital dan masyarakat tanpa tunai bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi digital negara.

Punca COVID-19 dikaitkan dengan tabiat menjadikan hidupan liar seperti tenggiling dan kelawar sebagai makanan. Oleh itu, sumber terbabit perlu dijauhkan daripada komuniti, manakala perdagangan hidupan liar diharamkan serta-merta dengan hukuman lebih keras dikenakan.

Menurut Chris Walzer daripada Wildlife Conservation Society, kemungkinan besar hos COVID-19 adalah kelawar. Cuma apa yang masih menjadi persoalan bagaimana virus itu menjangkiti manusia dan apakah yang menjadi perantara jangkitan.

Kesimpulannya, keutuhan ekonomi, pemerksaan sektor kesihatan dan rakyat berdaya tahan ialah elemen penting dalam mengharungi situasi genting ini.

Negara melalui pelbagai ujian sebelum ini dan kita pasti mampu mengharungi ujian COVID-19 kali ini.